

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [ KANGAR ]**

**SOALAN**

**TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [ KANGAR ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan garis masa pelaksanaan perjanjian persefahaman (MoU) antara Kerajaan dan Pakatan Harapan dan berapa anggaran kos yang diperlukan untuk melaksanakan setiap perkara ini.

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bahawa satu Memorandum Persefahaman (MoU) Transformasi dan Kestabilan Politik di antara Kerajaan Persekutuan dan Pakatan Harapan telah ditandatangani pada 13 September 2021.

2. Status terkini pelaksanaan Memorandum Persefahaman Transformasi dan Kestabilan Politik dan perkara-perkara yang dipersetujui bagi bidang yang berikut iaitu Transformasi Pentadbiran Pembaharuan Parlimen (Parliamentary Reform), Kebebasan Kehakiman dan Perjanjian Malaysia 1963. Pindaan Perlembagaan Persekutuan berkenaan Perjanjian Malaysia 1963 telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 14 Disember 2021, dengan membuat pindaan kepada 4 perkara iaitu:

- (i) Fasal (2) Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan;

- (ii) tafsiran “*the Federation*” di bawah Fasal (2) Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan;
- (iii) tafsiran baharu “*Malaysia Day*” di bawah Fasal (2) Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan; dan
- (iv) Fasal (6) dan (7) Perkara 161A Perlembagaan Persekutuan.

3. Bagi perkara-perkara di bawah bidang transformasi pentadbiran adalah penggubalan perundangan Anti-Lompat Parti, Jemaah Menteri pada 17 September 2021 telah memutuskan supaya perkara ini perlu disegerakan kerajaan. Pada masa ini, satu soal selidik telah dilaksanakan bagi mendapatkan pandangan umum berkenaan perkara ini. Kerajaan juga sedang mengkaji parameter bagi pindaan yang akan dilaksanakan.

4. Pihak Bahagian Hal Ehawal Undang-Undang (BHEUU) dan Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah mengadakan satu perbincangan pada 30 September 2021 bersama Jabatan Peguam Negara dan pihak berkepentingan lain, termasuk SPR untuk membincang persoalan dasar yang timbul daripada pelaksanaan cadangan ini.

5. Bagi perundangan anti lompat parti dan pengehadan tempoh bagi Perdana Menteri 10 tahun, kajian dan sesi libat urus yang terperinci perlu diadakan dan perkara ini tidak boleh dibuat dalam keadaan tergesa-gesa. Oleh itu, kedua-dua perkara ini dicadangkan dibawa ke Parlimen sebelum bulan Julai 2021.

6. Bagi perkara di bawah pembaharuan Parlimen atau *parliamentary transformation*, agendanya adalah membentangkan kelulusan undang-undang berkaitan dengan perkhidmatan Parlimen dan Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) (Pindaan) 2021. Dalam perbincangan telah diadakan oleh Parlimen Malaysia bagi meneliti Rang Undang-undang Perkhidmatan Parlimen 2022 telah disemak oleh Jabatan Peguam Negara. Draf semakan akan dikemas kini dan ditambah baik susulan perbincangan libat urus bersama agensi berkaitan.

7. Tiada anggaran kos spesifik berhubung komitmen ini kerana pihak Kerajaan hanya komited berhubung pelaksanaan terhadap MoU yang telah dimeterai di antara Kerajaan Persekutuan dan Pakatan Harapan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD**  
**[KANGAR]**

**SOALAN**

**TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [KANGAR]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah aset yang dijual oleh Kerajaan, badan berkanun dan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC dan GLIC) sejak Mac 2020 bagi menampung keperluan belanjawan dan konsolidasi fiskal negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa mengkaji potensi cadangan untuk merasionalisasikan syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) berdasarkan beberapa faktor termasuklah telah mencapai mandat atau objektif penubuhan, mengurangkan pendedahan risiko perniagaan kepada Kerajaan dan mengurangkan risiko *crowding-out* di pasaran.

Pelupusan pegangan Kerajaan dalam syarikat-syarikat MKD akan turut mengambil kira beberapa faktor lain termasuk nilai yang telah dicipta dalam syarikat, kepentingan komersial dan strategik kepada pemegang saham (Kerajaan) dan kemampuan pemilik baru untuk membawa syarikat yang akan dilupuskan ke tahap yang lebih baik. Hasil penjualan akan disalurkan terus melalui dividen tahunan dan cukai yang dimasukkan dalam Kumpulan Wang Disatukan milik Kerajaan Persekutuan.

Untuk makluman Yang Berhormat, sejak Mac 2020 hingga kini, jumlah aset yang dijual oleh Khazanah dan syarikat MKD adalah berjumlah kira-kira RM197 juta.

Namun perlu diperjelaskan bahawa pelupusan aset yang dilaksanakan oleh *Government Linked Investment Companies* (GLIC) atau syarikat-syarikat MKD bukanlah bagi tujuan menampung keperluan belanjawan negara atau bagi konsolidasi fiskal negara. Sebaliknya, pelupusan aset merupakan aktiviti perniagaan biasa yang lazim dilakukan oleh mana-mana syarikat bagi mencapai objektif, strategi pelaburan dan sasaran kewangan yang telah ditetapkan. Sebagai contoh, pelupusan dilaksana apabila sesuatu pelaburan telah mencapai keuntungan yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan dari semasa ke semasa juga melupuskan aset tak alih, aset alih, aset hidup, stok seperti peralatan perubatan, peralatan pertahanan dan keselamatan, kenderaan, jentera serta peralatan ICT, ikan, tumbuhan dan haiwan melalui kaedah sebut harga dan tender.

Bagi tempoh Januari hingga Disember 2020, jumlah hasil daripada pelupusan oleh 37 Kementerian/ Jabatan Persekutuan bagi aset alih, aset hidup dan stok adalah RM9,334,657.14. Manakala bagi tempoh mulai 1 Januari 2021 sehingga 21 Oktober 2021, jumlah hasil daripada pelupusan aset alih dan stok oleh 15 Kementerian/ Jabatan daripada 37 Kementerian/ Jabatan Persekutuan adalah RM655,111.19. Maklumat jumlah hasil pelupusan daripada baki 22 Kementerian masih dalam peringkat penyediaan Kementerian/ Jabatan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Berkenaan penjualan aset tidak alih khususnya tanah, tiada sebarang penjualan tanah milik Kerajaan Persekutuan dibuat sejak 1 Mac 2020 sehingga kini. Oleh itu, tiada sebarang hasil penjualan yang diterima memandangkan tiada penjualan aset tanah milik Kerajaan Persekutuan dalam tempoh yang dinyatakan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

---

**PERTANYAAN :      BERTULIS**

**DARIPADA        :      TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [ KANGAR ]**

**SOALAN**

**TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [ KANGAR ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan jumlah dan kategori kes yang menyalahi Akta Persaingan telah diambil tindakan sejak 5 tahun lalu. Dari jumlah ini, berapa kes yang melibatkan pemerolehan kerajaan atau syarikat berkaitan Kerajaan (GLC dan GLIC).

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 2016 sehingga kini, terdapat sejumlah empat (4) kes yang telah diputuskan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) di bawah seksyen 40 Akta Persaingan 2010 (Akta 712) yang melanggari peruntukan seksyen 4 Akta yang sama, berkaitan kesalahan penetapan harga dan/atau kartel. Kes-kes tersebut ialah kes Pengusaha Depoh Kontena, kes Pusat Tuisyen dan Jagaan, kes Persatuan Insurans Am Malaysia, dan 22 Ahli Insurans serta kes berkaitan Pengusaha-pengusaha Gudang di Pelabuhan Klang. Ia melibatkan penalti kewangan lebih dari RM130 juta.

2. Manakala, terdapat dua (2) kes telah diputuskan oleh MyCC di bawah seksyen 40 Akta 712 yang melanggari peruntukan seksyen 10 Akta yang sama, berkaitan kesalahan penyalahgunaan kedudukan dominan. Kes pertama ialah kes yang melibatkan MyEG Services Sdn Bhd berkaitan dengan pembaharuan permit lawatan kerja sementara (PLKS). Manakala, bagi kes kedua pula melibatkan pasaran penyediaan perkhidmatan kerajaan secara atas talian (sistem maklumat kastam) oleh syarikat Dagang Net Technologies Sdn Bhd. Kedua-dua kes ini menghasilkan penalti kewangan lebih kurang RM20 juta.
3. Setakat 5 tahun kebelakangan ini, tiada kes MyCC yang melibatkan GLC atau GLIC. Walaubagaimanapun, terdapat dua (2) kes telah diputuskan oleh MyCC yang melibatkan syarikat-syarikat yang memperolehi konsesi kerajaan. Kes pertama ialah kes yang melibatkan MyEG Services Sdn Bhd berkaitan dengan pembaharuan permit lawatan kerja sementara (PLKS). Manakala, bagi kes kedua pula melibatkan pasaran penyediaan perkhidmatan kerajaan secara atas talian (sistem maklumat kastam) oleh syarikat Dagang Net Technologies Sdn Bhd.

Sekian, terima kasih.